



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Tingkat 12, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. (45)
Tarikh : 25 Mei 2022

SIARAN MEDIA

TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI MARITIM MALAYSIA BERSARA WAJIB

PUTRAJAYA, 25 Mei – Timbalan Ketua Pengarah Operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Madya Maritim Dato' Kamaruzsaman bin Hj Abu Hassan telah bersara wajib pada 25 Mei 2022, hari ini.

Beliau memulakan perkhidmatan bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada tahun 1980, menyertai tim nukleus penubuhan Maritim Malaysia sejak 2005 seterusnya meneruskan perkhidmatan di Agensi ini sehingga persaraan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan bersama Maritim Malaysia, pelbagai sumbangan telah dicurahkan beliau antaranya, pasukan perintis dalam membangunkan Maritim Malaysia sebagai Agensi Penyelaras *Search and Rescue* (SAR), terlibat dalam membangunkan keperluan Dasar dan Mekanisme Pengurusan (MERS 999) dan banyak lagi.

Beliau juga telah menyumbang banyak kejayaan kepada Maritim Malaysia khususnya dalam aspek operasi seperti OP NAGA, OP BENTENG dan OP KUDA LAUT, selain di lantik sebagai Timbalan Komander di dalam National Task Force (NTF) sehingga dilantik ke jawatan kedua tertinggi dalam agensi pada November 2020.

Hari ini merupakan hari terakhir perkhidmatan beliau setelah 43 tahun berkhidmat dan diraikan dalam majlis JasaMu DiKenang serta istiadat 'street lining' yang diadakan di perkarangan Ibu Pejabat Maritim Malaysia Putrajaya.

Berikutan itu, Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Pengarah Operasi Maritim Malaysia turut diadakan di Ibu Pejabat Maritim Malaysia dengan disaksikan Ketua Pengarah, Laksamana Maritim, YBhg. Dato' Mohd Zubil bin Mat Som serta barisan pegawai dan anggota penguat kuasa Maritim Malaysia seluruh negara.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim, Maritim Malaysia, Laksamana Muda Maritim Hamid bin Hj Mohd Amin menanggung tugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah Operasi Maritim Malaysia mulai 26 Mei 2022.

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan, sila hubungi;
Unit Komunikasi Korporat Maritim Malaysia,
En Azhar bin Hj Ismail
Tel: 019-3448744
Emel: azharismail@mmea.gov.my

Pn. Iklil Fatimah binti Kamal Redzuan
Tel: 019-7107479
Emel: fatihah@mmea.gov.my